



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**29 Januari 2021  
16 Jamadilakhir 1442H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	•
<b>Berita Harian</b>	•
<b>Harian Metro</b>	•
<b>Kosmo !</b>	• Nelayan jadi 'perisik'
<b>Sinar Harian</b>	•
<b>The Star</b>	•
<b>New Straits Time</b>	•
<b>Nanyang Siang Pau</b>	•
<b>Malaysia Gazette</b>	•
<b>Harakah</b>	•
<b>Malaysia Dateline</b>	•
<b>Bernamea</b>	•
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	•
<b>Guan Ming Daily</b>	•
<b>The Borneo Post</b>	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		14	29/1/2021

KOSMO m/s 14 29/1/2021

Taktik terbaharu seludup PATI ketika Covid-19

# Nelayan jadi 'perisik'

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

**LUMUT** - Sindiket penyeludupan migran dikesan menggunakan taktik terbaharu bagi menjalankan kegiatan haram itu dengan menggunakan sege-lintir nelayan tempatan sebagai perisik mereka serta bergerak dalam kumpulan kecil.

Pengarah Agensi Maritim Malaysia (APMM), Kepten Maritim Shahrizan Raman memberitahu, modus operandi terkini sindiket terbabit dikesan pihaknya ketika menjalankan operasi penguatkuasaan khususnya sepanjang Ops Benteng Laut semasa pandemik Covid-19.

"Pihak kami mendapati, modus operandi penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) masih didalangi tekong bot warga Indonesia yang akan berurusan dengan tekong darat bagi menguruskan warga asing keluar masuk melalui perairan Malaysia.

"Namun kini, terdapat bot nelayan tempatan di kawasan Pulau Jarak dekat sini serta kawasan sempadan yang hampir di perairan Indonesia pula menjadi mata-mata atau perisik kepada sindiket penyeludupan migran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan pengoperasian dan penguatkuasaan di sekitar perairan Lumut di sini petang kelmarin.

Menurut Shahrizan, hasil risikan juga mendapati, jumlah kemasuk PATI ke Malaysia ketika ini hanya lima hingga tujuh orang dalam satu-satu masa.

Katanya, tindakan itu dipercayai bagi mengelakkan kegiatan mereka dikesan pihak berkuasa.

"Bagaimanapun, saya percaya penubuhan *National Task Force* mampu mengurangkan kegiatan penyeludupan itu kerana kawalan sempadan perairan negara yang proaktif dengan kehadiran aset rondaan daripada pelbagai

agensi setiap masa," ujarnya.

Beliau berkata, bagi APMM Perak, kehadiran dua aset bot laju terbaharu iaitu Bot Benteng yang diterima pada akhir tahun lalu dan Bot Perkasa bulan ini, menambahkan lagi aset ronda kepada jumlah keseluruhan sebanyak 13 bot.

"Bot Benteng yang mempunyai kelajuan 60 knot mampu bertindak sebagai bot pemintas kerana bergerak pantas, manakala Bot Perkasa dengan kelajuan sekitar 45 knot pula mampu beroperasi selama 24 jam di laut," ujarnya.

Shahrizan memberitahu, sepanjang tahun lalu, APMM telah mengusir 107 bot nelayan asing dari perairan Malaysia yang rata-rata lokasi adalah di sekitar kawasan tuntutan bertindih.

Sepanjang tahun lalu juga, agensi itu telah merekodkan 62 kes tangkapan bot nelayan tempatan yang melakukan pelbagai kesalahan berkaitan aktiviti perikanan.



KEHADIRAN Bot Perkasa mampu memantapkan operasi penguatkuasaan APMM Perak di perairan negara.